

## TUNTUTLAH ILMU DHARURI UNTUK KESEJAHTERAAN DI AKHIRAT

Oleh: Norliyana binti Ishak, 1171746,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 13 Ogos 2020*



Pada masa ini, ramai yang leka dengan kelazatan dunia. Duit, emas dan kemewahan menjadi kegilaan manusia.

Bahkan, ada yang tidak peduli sama ada dari sumber halal atau haram. Maksiat, zina, mencuri, mengumpat dan menipu dalam keadaan serius atau bergurau menjadi kebiasaan.

Hal ini berpunca daripada sikap tidak peduli tentang ilmu yang *dharuri* (perkara yang diketahui oleh semua orang), sedangkan terkandung dalamnya mutiara agama yang membawa kita ke syurga.

Ilmu *dharuri* adalah ilmu yang tidak boleh setiap *mukallaf* (seorang yang dipertanggungjawabkan atas perkara yang dilakukannya) jahil tentangnya.

Terkandung dalamnya ilmu akidah yang mengenalkan kita tentang Pencipta dan rasul-Nya. Kemudian, ilmu fiqah yang dimulakan daripada bersuci, solat, syarat-syarat solat, muamalat, zakat, puasa sehingga haji.

Seterusnya, ilmu tasawuf yang wajib disebut dalamnya penjelasan-penjelasan maksiat dan dosa-dosa yang dilakukan hati, perut, mata, lisan, telinga, tangan, kemaluan, kaki dan badan. Bukanlah untuk melakukan maksiat dan dosa, tetapi supaya kita meninggalkannya.

Justeru, syaitan sentiasa berusaha menyesatkan dan menghasut kita untuk menderhaka kepada Pencipta. Tambahan pula, syaitan akan menipu kita sama ada pada perkara-perkara besar atau kecil yang kita lakukan.

Sekiranya ilmu penuh di dada pasti kita akan menolaknya. Oleh yang demikian, tidak dapat tidak, setiap *mukallaf* wajib mengetahui tentang ilmu yang *dharuri*.

Dengan itu kejahilan bukanlah satu keuzuran. Sekiranya kejahilan adalah satu keuzuran, nescaya ramai yang memilih jahil daripada berilmu.

Sementara itu, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa dunia ini fana dan tidak kekal selamanya.

Jadi jangan kita ditipu daya dengan kelazatan dunia yang terlihat indah di mata manusia kerana belum tentu ia baik untuk kita.

Kejayaan tidak dapat lari dari pengorbanan, lebih-lebih lagi mujahadah dalam menuntut ilmu yang wajib setiap *mukallaf* mempelajarinya.

Jadilah seperti orang yang berlalu pergi atas dunia, bangunan yang dibina dan tanah yang tinggi runtuh, bumi ini akan binasa, manusia pula akan mati. Inilah dunia bukan syurga.

Bak kata-kata mutiara, “Ambillah dunia sekadar yang perlu sahaja, kerana kita akan meninggalkannya.”

Dalam pada itu, kita diberi peluang untuk bertaubat daripada dosa kecil dan besar selagi pintu taubat masih terbuka.

Ketahuiilah rukun taubat yang terbesar adalah menyesal dengan dosa yang dilakukan kerana Allah SWT, bukanlah kerana malu dengan manusia.

Seterusnya, meninggalkan perbuatan dosa dan berazam untuk tidak mengulanginya kembali. Sekiranya dosa yang dilakukan adalah meninggalkan kewajiban, maka hendaklah mengqada kewajiban tersebut atau sekiranya berkaitan dengan hak manusia, maka hendaklah mengembalikannya atau meminta keredaannya.

Akhir kata, jangan bermudah-mudah melakukan dosa, bahkan berasa takutlah untuk melakukan sama ada dosa kecil atau besar.

Orang yang mahu hatinya lembut, perlulah dia bertakwa kepada Allah dengan melakukan yang wajib dan meninggalkan yang haram.

Untuk menjadi orang yang bertakwa, seorang manusia perlu menuntut ilmu yang *dharuri*. Justeru, ilmu agama yang kita pelajari adalah untuk manfaat kita di hari akhirat, bukan untuk menikmati kelazatan dunia.

